

TARIKH: 8/12/23
SURAT KHABAR: *ufusan Malaysia*
MUKA SURAT: 4

Kerajaan kekal keputusan beku ambil pekerja asing

KUALA LUMPUR: Kerajaan masih kekal dengan keputusan untuk membekukan kuota pengambilan pekerja asing termasuk pada tahun depan.

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar berkata, jumlah terkini pekerja asing sudah melebihi berbanding unjuran 2.4 juta individu sehingga tempoh 2025 yang ditetapkan Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).

Menurut beliau, lambakan pekerja asing itu meliputi jumlah golongan yang sedia ada, pertambahan daripada program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) serta Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing.

“Sehingga mesyuarat Kabinet yang lepas, memang kita tidak akan buka pemberian kuota baharu untuk sementara waktu, namun bergantung kepada keputusan terbaharu, kita akan maklumkan.

“Bagi tahun hadapan kita tidak tahu lagi (kuota pengambilan pekerja asing) kita kena lihat dalam pelbagai konteks... kita hentikan pengambilan (pekerja asing) dan kita akan lihat balik keperluan ambil warga asing pada masa hadapan,” katanya.